

## 1. Syarat lulus BM diperjelas kepada Kabinet



**MENTERI Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam**

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan akan memberi penjelasan terperinci berhubung kelonggaran syarat lulus Bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam pengambilan pegawai perubatan UD41 pada mesyuarat Jemaah Menteri, Rabu ini.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S Subramaniam berkata penjelasan itu perlu dibuat bagi mengelak kekeliruan mengenai isu berkenaan.

"Saya melihat banyak pihak yang salah faham tentang isu ini. Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah pun telah mengeluarkan kenyataan (bagi menjelaskannya) namun, masih ada pihak yang tidak memahami kenyataan itu.

"Jadi, lebih baik saya berikan penjelasan kepada Kabinet terlebih dahulu sebelum kepada rakyat," katanya kepada pemberita selepas Program 'Inspire to Aspire 2017' di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian susulan gesaan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi hari ini yang meminta Subramaniam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu Belaun menjelaskan mengenai isu itu.

Dr Noor Hisham dalam kenyataannya semalam berkata Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah memberi persetujuan untuk melonggarkan syarat pelantikan secara kontrak ke jawatan Pegawai Perubatan Gred UD41 di Kementerian Kesihatan pada 23 Februari lalu.

Beliau menjelaskan kelonggaran syarat kelayakan Lulus Bahasa Melayu itu bagi memudahkan pelantikan secara kontrak jawatan Pegawai Perubatan Gred UD41 untuk graduan perubatan yang tidak menduduki peperiksaan subjek berkenaan di peringkat SPM atas pelbagai sebab.

## 2. Ekonomi Malaysia dijangka terus kukuh - Nomura



PAKAR Ekonomi Asia Tenggara Nomura, Euben Paracuelles. - Foto NSTP

KUALA LUMPUR: Prestasi ekonomi Malaysia dijangka meneruskan momentum pertumbuhan kukuh pada separuh kedua tahun ini dipacu faktor domestik dan global, menurut firma kewangan terkemuka Jepun, Nomura.

Malah, unjuran positif itu turut menjadikan kerajaan Malaysia lebih stabil, sekali gus berada dalam keadaan baik untuk mengadakan Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) yang mungkin diadakan pada September atau Oktober ini.

Pakar Ekonomi Asia Tenggara Nomura, Euben Paracuelles, berkata Malaysia menunjukkan potensi positif tahun ini menerusi sokongan faktor dalaman seperti pengukuhan ringgit, peningkatan aktiviti eksport,imbangan dagangan selain faktor luaran seperti harga minyak mentah.

"Dengan prestasi baik itu, Barisan Nasional (BN) berkemungkinan mampu untuk memenangi lebih banyak kerusi pada pilihan raya ini," katanya menerusi sidang media video di sini, hari ini.

Paracuelles berkata, pelabur akan lebih cenderung untuk memberi tumpuan kepada prestasi ekonomi negara meskipun terdapat beberapa gangguan politik.

"Malah, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun ini diunjur berkembang 5.3 peratus berbanding sebelum ini, 4.5 peratus," katanya.

### 3. Syor Jabatan Audit Negara bukan untuk aniaya



**KHALID Khan Abdullah Khan (tiga kanan) beramah mesra bersama peserta yang hadir pada Majlis Makan Malam dan Majlis Perasmian Seminar Kewangan dan Pengauditan Sektor Awam 2017 (SKPSA2017) di Hotel Acapella Suite Shah Alam. - Foto Mohd Asri Saifuddin Mamat**

SHAH ALAM: Tindakan Jabatan Audit Negara mengemukakan lebih 200 syor dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2 pada November lalu, bukan bertujuan menganiaya atau menjatuhkan mana-mana organisasi.

Timbalan Ketua Audit Negara, Khalid Khan Abdullah yang membacakan teks Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr Madinah Mohamad berkata, syor terbabit sebaliknya dilakukan bagi membantu kerajaan, pihak berkuasa tempatan (PBT), badan berkanun serta kerajaan negeri membuat penambahbaikan, sekali gus memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.

Katanya, setiap tahun, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi bagi menilai sejauh mana aktiviti atau projek yang dirancang itu dilaksanakan dan dipantau bagi mencapai objektif asal.

"Melalui pengauditan, organisasi dan rakyat dapat menilai sejauh mana wang awam dibelanjakan dengan berhemat tanpa boros dan membazir serta mendapat nilai faedah terbaik ketika negara perlu berdepan dengan keadaan ekonomi yang tidak stabil.

"Pada masa ini, kerajaan berdepan dengan pelbagai cabaran hebat dalam usaha memperbaiki imej perkhidmatan awam dan menjamin kecekapan organisasi di dalam perkhidmatan awam," katanya ketika Majlis Makan Malam Seminar Kewangan dan Pengauditan Sektor Awam 2017, anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini, malam ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UUM, Prof Dr Hassan Ali.

November lalu, sebanyak 247 syor dikemukakan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2. Daripada jumlah itu, sebanyak 68 syor dikemukakan kepada kerajaan, 30 syor kepada badan berkanun dan 149 syor kepada kerajaan negeri.

Madinah berkata, kakitangan awam dan semua organisasi kerajaan perlu cekap dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Katanya, mereka juga perlu mempunyai kemahuan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan melalui inovasi dan kreativiti serta melakukan transformasi setanding negara maju.



**Khalid Khan Abdullah Khan (tiga belas kanan) bergambar bersama peserta pada Majlis Makan Malam dan Majlis Perasmian Seminar Kewangan dan Pengauditan Sektor Awam 2017 (SKPSA2017) di Hotel Acapella Suite Shah Alam. - Foto Mohd Asri Saifuddin Mamat**

#### 4. Bekas kontraktor hadapi tuduhan tuntutan palsu



MOHAMMAD Trevor Mohammad Darby dihadapkan ke Mahkamah Sesyen hari ini, atas tuduhan mengemukakan tuntutan palsu RM169,500, empat tahun lalu. - Foto Muhammad Hatim Ab Manan

AYER KEROH: Seorang bekas kontraktor mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen hari ini, atas tuduhan mengemukakan tuntutan palsu RM169,500, empat tahun lalu.

Tuntutan berkenaan berhubung kerja membangunkan sistem pameran berkonsepkan holografik di Muzium Seni bina Malaysia Melaka.

Tertuduh, Mohammad Trevor Mohammad Darby, 35, membuat pengakuan itu sejurus tuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi.

Mohammad Trevor, sebagai pemilik syarikat Ultra Integrated dituduh dengan niat memperdayakan kurator muzium, Azahar Mat Daud menerusi satu dokumen iaitu pesanan kerajaan berserta inoivis berjumlah RM169,500 berhubung kerja membangunkan sistem pameran berkonsepkan holografik.

Bagaimanapun, tertuduh memberikan butiran palsu dengan memperakui pembekalan sepenuhnya dibuat dalam keadaan memuaskan dan mengikut penentuan sedangkan kerja tidak disiapkan.

Dia melakukan kesalahan itu di Pejabat Muzium Seni bina Malaysia Melaka pada 24 Disember 2013.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 18, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 (2) akta yang sama, jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak lebih lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000 yang mana lebih tinggi.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa SPRM, Nur Diyanah Mohd Nawawi menawarkan jaminan RM15,000 dengan syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah.

Bagaimanapun, tertuduh yang tidak diwakili peguam memohon jumlah jaminan dikurangkan dengan alasan tidak mempunyai pekerjaan tetap dan hanya menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan, selain berdepan satu lagi tuduhan sama di Perak.

Mahkamah membenarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 11 Ogos ini sebutan semula kes.



Rabu, 5 Julai 2017

#### 5. Wujud E-Kad palsu untuk PATI



*Mustafar Ali*

SHAH ALAM: Wujud individu tertentu yang cuba memalsukan kad sementara atau 'Enforcement Card' (E-Kad) untuk digunakan oleh pendatang asing tanpa izin (PATI).

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Mustafar Ali, berkata pihaknya mengesan sebanyak 40 E-Kad palsu yang digunakan oleh PATI sejak program itu dilancarkan 15 Februari lalu.

"Sebelum ini, kita telah ambil tindakan terhadap ejen yang cuba palsukan E-Kad dan tindakan terhadap sesiapa sahaja yang mempunyai E-Kad palsu.

"Imigresen juga pernah menahan seorang warga Bangladesh yang mempunyai lapan E-Kad palsu," katanya kepada pemberita selepas menyertai Operasi PATI di Kota Kemuning di sini, hari ini.

Beliau berkata E-Kad yang dibuat oleh pihak Imigresen mempunyai biometrik majikan serta pekerja yang digaji dan sukar untuk dipalsukan.

"Reka bentuk E-Kad palsu nampak sama tetapi Quick Response Code (QR Code) berbeza, cap jari majikan dan pekerja akan diambil dan dari situ kita dapat kesan palsu atau tidak," katanya.

Mengulas mengenai operasi bermula 11 malam hingga 3 pagi itu, Mustafar berkata seramai 156 PATI dan dua majikan tempatan berusia antara 20 hingga 45 tahun ditahan dalam dua operasi di Seri Kembangan dan Kota Kemuning.

Antara PATI yang ditahan ialah warga Bangladesh, Nigeria, Vietnam, Indonesia dan China.

"Ini menunjukkan Imigresen tegas dalam menjaga kedaulatan negara, faktor utama program E-Kad dilihat gagal adalah disebabkan kedegilan majikan untuk mendaftarkan pekerja mereka," katanya.

Beliau berkata PATI yang ditahan akan dihantar pulang ke negara masing-masing selepas siasatan dan proses perundangan selesai dilaksanakan.

"Mereka akan ditempatkan di Depoh Tahanan Imigresen di negeri masing-masing sebelum dihantar pulang.

"Penghantaran pulang memerlukan kerjasama daripada kedutaan dan pihak Imigresen akan menghubungi mereka," katanya.



**KETUA Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzul kifli Ahmad.**

#### **6. SPRM siasat FIC beli hotel di London**

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuka kertas siasatan berhubung pembelian sebuah hotel empat bintang di Kensington, London oleh Felda Investment Corporation (FIC) antara tahun 2013 dan 2015.

Siasatan dibuat susulan maklumat baharu diperolehi dalam siasatan terhadap FELDA.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzul kifli Ahmad, mengarahkan pasukan penyiasat bertindak atas maklumat itu.

"Pasukan penyiasat mengambil dokumen berkaitan pembelian hotel itu dan dalam proses menilai serta meneliti semua maklumat diperolehi.

"Berdasarkan siasatan awal, FIC dipercayai membeli hotel itu pada harga jauh lebih tinggi berbanding harga asal hingga menyebabkan FIC mengalami kerugian jutaan ringgit.

"Siasatan terperinci akan dijalankan bagi mengenal pasti sama ada wujud unsur rasuah dan salah guna kuasa dalam proses pembelian hotel itu," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, beberapa saksi penting akan dipanggil dalam masa terdekat bagi membantu siasatan sebelum tindakan lanjut diambil.



## 7. Kelibat SPRM di Balai Felda

KUALA LUMPUR: Sepasukan pegawai penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kelihatan tiba di Balai Felda, Jalan Gurney, di sini, bagi siasatan berhubung pembelian sebuah hotel empat bintang di Kensington, London oleh Felda Investment Corporation (FIC) antara tahun 2013 dan 2015.

Tujuh pegawai berpakaian seragam lengkap SPRM tiba menaiki dua kenderaan pada jam 10.20 pagi dan terus ke pejabat FIC di tingkat empat bangunan berkenaan.

Beberapa pegawai turut dilihat membawa beg dokumen.

Tindakan itu dipercayai susulan maklumat baharu diperoleh dalam siasatan terhadap FELDA.

Pasukan penyiasat berkenaan dipercayai hadir bagi mendapatkan beberapa dokumen dan mengenal pasti saksi atau individu yang boleh dipanggil SPRM untuk membantu siasatan kes itu.

Pada 14 Julai lalu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad, dilaporkan berkata, berdasarkan siasatan awal, FIC dipercayai membeli hotel itu pada harga jauh lebih tinggi berbanding harga asal hingga menyebabkan FIC mengalami kerugian jutaan ringgit.

Katanya, siasatan terperinci akan dijalankan bagi mengenal pasti sama ada wujud unsur rasuah dan salah guna kuasa dalam proses pembelian hotel itu.



**MENTERI** Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Datuk Seri Hamzah Zainudin.

#### **8. Sasar koperasi raih RM40b tahun ini**

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menasaskan koperasi meraih pendapatan lebih RM40 bilion tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Datuk Seri Hamzah Zainudin, berkata sasaran itu disandarkan kepada perolehan RM39.66 bilion tahun lalu.

Katanya, SKM mengadakan pelbagai inisiatif untuk melonjakkan pendapatan koperasi termasuk mengadakan sambutan Hari Koperasi bergerak dari negeri ke negeri bermula 22 Julai ini.

"Tahun ini, kita percaya jumlah perolehan itu mampu ditingkatkan melebihi RM40 bilion berikutan penambahan jumlah koperasi di negara ini serta inisiatif baharu yang diambil SKM.

"Hingga 31 Mei lalu, ada 13,617 koperasi yang berdaftar dengan SKM dengan jumlah ahli seramai 7.07 juta orang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media majlis Pra Pelancaran Hari Koperasi Negara 2017 di Menara SKM, di sini, hari ini.



**PEMANGKU Pengerusi FGV, Tan Sri Sulaiman Mahbob.**

#### **9. FGV: Siasatan dalaman bermula 24 Julai**

KUALA LUMPUR: Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) mengumumkan penubuhan panel dalaman yang terdiri daripada tiga orang untuk menyiasat empat orang bekas ahli lembaga pengarahnya mulai 24 Julai ini.

Pemangku Pengerusi FGV, Tan Sri Sulaiman Mahbob, berkata empat orang yang disiasat ialah bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Datuk Zakaria Arshad; bekas Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Ahmad Tifli Mohd Talha serta dua lagi pegawai pengurusan kanan.

"Kami melakukan proses yang adil untuk memastikan mereka diberi peluang mempertahankan diri, mengemukakan bukti dan mempunyai masa secukupnya untuk memberi respons kepada siasatan dalaman itu.

"Kami menyasarkan siasatan akan dapat diselesaikan menjelang 14 Ogos 2017," katanya pada majlis Rumah Terbuka Aidilfitri FGV di sini, hari ini.

Sementara itu, Pengerusi FELDA, Tan Sri Shahrir Abdul Samad mengesahkan penemuan bukti baharu oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkaitan siasatan sebelum ini.

"Kita akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada SPRM dalam siasatan kes ini," katanya.

SPRM melakukan serbuan di pejabat Felda Investment Corporation (FIC) hari ini berikutan penemuan bukti baharu berkaitan pembelian hotel di London oleh FIC.

Beliau bagaimanapun menegaskan tidak mengetahui apa bukti baharu itu tetapi yakin FELDA dan FIC akan terus bekerjasama dengan SPRM.

**10. Pembelian hotel: Dua individu beri keterangan kepada SPRM**

PENGARAH Felda Investment Corporation (FIC), Datuk Nik Azman Mohamed Zain dan seorang wanita hadir di ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Putrajaya pagi ini, dipercayai bagi memberi keterangan berhubung pembelian hotel bernilai RM330 juta di Kensington oleh FIC.

PUTRAJAYA: Pengarah Felda Investment Corporation (FIC), Datuk Nik Azman Mohamed Zain dan seorang wanita hadir di ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini pagi ini, dipercayai bagi memberi keterangan berhubung pembelian hotel bernilai RM330 juta di Kensington oleh FIC.

Kedua-dua mereka tiba di SPRM secara berasingan kira-kira jam 10 pagi.

Semalam, lapan pegawai SPRM dilihat beredar dari Balai Felda, Jalan Gurney 1, Kuala Lumpur selepas hampir lapan jam melakukan siasatan di pejabat FIC.

Mereka beredar dari bangunan itu sekitar jam 5.45 petang dengan membawa bersama tiga kotak berwarna kuning dan dua beg bagasi dipercayai berisi dokumen berkaitan FIC yang juga sebuah anak syarikat FELDA.

Difahamkan, semua barangan itu akan dibawa ke pejabat SPRM untuk siasatan berhubung pembelian sebuah hotel empat bintang di Kensington, London oleh FIC antara tahun 2013 dan 2015.

Pada 14 Julai lalu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad, dalam satu kenyataan berkata, berdasarkan siasatan awal, FIC dipercayai membeli hotel itu pada harga jauh lebih tinggi berbanding harga asal hingga menyebabkan FIC mengalami kerugian jutaan ringgit.

Katanya, siasatan terperinci akan dijalankan bagi mengenal pasti sama ada wujud unsur rasuah dan salah guna kuasa dalam proses pembelian hotel itu.



Rabu, 19 Julai 2017



PEGAWAI Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Pulau Pinang mengiringi Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Zakat Pulau Pinang (ZPP), Datuk Azman Abdul Samat ke Mahkamah Sesyen Butterworth, Pulau Pinang atas tuduhan rasuah yang dilakukan pada tahun 2010 hingga 2015.

#### **11. CEO, pegawai Zakat Pulau Pinang didakwa rasuah**

BUTTERWORTH: Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Pengurus Besar Zakat Pulau Pinang (ZPP), Datuk Azman Abdul Samat mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas tiga pertuduhan menerima suatu barangan berharga tanpa balasan, antara tahun 2010 hingga 2015.

Azman, 50, membuat pengakuan itu sejurus pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Majistret Sitarun Nisa Abdul Aziz.

Mengikut pertuduhan, Azman didakwa menerima jam tangan jenama Bonia Tesoro bernilai RM700 daripada individu yang mempunyai hubungan dengan kerja rasminya, iaitu pemilik syarikat MNI Venture, Ros Suriyati Alang, di kediamannya di No 1048 Mukim 2 Permatang Rambai, Permatang Pauh, pada 2010.

Bagi pertuduhan kedua, Azman didakwa menerima jam tangan jenama Tissot Touch bernilai RM2,000 daripada individu yang mempunyai hubungan dengan kerja rasminya, iaitu pemilik syarikat Al Global Trading, Ashari Ismail, di Pejabat ZPP di No 4 Jalan Perda Selatan, Bukit Mertajam, antara tahun 2011 hingga 2015.

Seterusnya, Azman didakwa menerima jam tangan jenama Roscani Paris bernilai RM750 daripada individu yang mempunyai hubungan dengan kerja rasminya, iaitu pemilik syarikat Safa Murni Enterprise, Zaiyusri Ibrahim, di kedai makanan berhampiran Pejabat ZPP di Seberang Perai Tengah, pada tahun 2015.

Bagi setiap pertuduhan, Azman didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Sitarun Nisa kemudian membenarkan Azman dijamin RM1,500 dengan seorang penjamin bagi setiap pertuduhan, selain menetapkan 21 Ogos depan bagi sebutan semula kes.

Dalam pertuduhan berasingan, Ketua Bahagian Pengurusan Pembangunan Kualiti Asnaf Dan Ekonomi Zakat Pulau Pinang, Mohd Wardi Ramli, 35, turut mengaku tidak bersalah atas tuduhan menggunakan jawatannya untuk mendapatkan suapan daripada kontraktor, antara tahun 2015 hingga 2016.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa menggunakan jawatannya untuk mendapat suapan apabila mengesyorkan Syarikat Al Global Trading untuk membekalkan 26 set cadar single; cadar queen (52 set) dan selimut (100 set) berjumlah RM10,240 dengan mengemukakan sebut harga kepada individu yang mempunyai hubungan dengan kerja rasminya di Pejabat ZPP, Bukit Mertajam, pada 26 Oktober 2015.

Bagi pertuduhan kedua, dia didakwa bagi kesalahan sama apabila membuat permohonan dan mengesyorkan syarikat sama untuk membekalkan 1,480 anak ayam kampung dan 50 kilogram dedak Gold Coin 501, berjumlah RM4,842 di Pejabat ZPP, Bukit Mertajam, pada 11 November 2016.

Seterusnya, Mohd Wardi didakwa bagi kesalahan sama apabila membuat permohonan dan mengesyorkan syarikat sama untuk membekalkan dedak Starter dan Grower, berjumlah RM6,000 di Pejabat ZPP, Bukit Mertajam, pada 14 November 2016.

Mohd Wardi didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dipenjarakan hingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Sitarun Nisa kemudian membenarkan tertuduh dijamin RM5,000 dengan seorang penjamin, selain menetapkan 14 Ogos depan bagi sebutan semula kes.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Ahmad Ghazali Muhamad Nadzri, manakala Azman diwakili peguam Mohamed Reza Rahim dan Mohd Wardi diwakili peguam Hadi Mulyana Citrawijaya Suyadi.



**KONTRAKTOR, Mohd Najib Atan didenda RM20,000 dan jika gagal bayar enam bulan penjara atas tuduhan mengemukakan tuntutan palsu membabitkan kerja membaik pulih kediaman mangsa ribut pada 2014 di Mahkamah Sesyen, Johor Bahru.**

## **12. Kontraktor didenda RM20,000 buat tuntutan palsu**

JOHOR BAHRU: Seorang kontraktor didenda RM20,000 oleh Mahkamah Sesyen hari ini, selepas mengaku salah atas tuduhan pilihan mengemukakan tuntutan palsu membabitkan kerja baik pulih kediaman mangsa ribut pada 2014.

Tertuduh, Mohd Najib Atan, 60, mengaku bersalah selepas tuduhan pilihan dibacakan di hadapan Hakim Mohammad Khalid Ab Karim.

Mahkamah turut memerintahkan Mohd Najib dipenjara enam bulan jika gagal membayar denda berkenaan.

Najib dituduh dengan curang menggunakan Borang Inden kerja palsu atas nama Ismail Nasir bagi membaik pulih kediaman bernilai RM20,000 itu.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di Pejabat Daerah Segamat di Kilometer 5, Jalan Genuang Segamat pada 10 Disember 2014.

Mohd Najib didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum mengikut Seksyen 465 kanun sama, sabit kesalahan dihukum penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Noor Syarina Raizan, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.



Rabu, 19 Julai 2017



**Azam Baki**

### **13.FIC: SPRM akan tahan dalam masa terdekat**

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menolak kemungkinan melakukan beberapa tangkapan dalam masa terdekat selepas beberapa saksi penting berhubung pembelian sebuah hotel di London oleh Felda Investment Corporation (FIC), selesai memberi keterangan.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki, ketika dihubungi mengesahkan perkara itu dan berkata, pihaknya kini dalam proses untuk mendapatkan lebih ramai saksi dalam proses urus niaga itu.

"Saya tidak menolak beberapa tangkapan akan dibuat pada masa terdekat untuk membantu siasatan ini berikutan pelbagai maklumat yang sudah diterima ketika ini," katanya.

Sementara itu, difahamkan, SPRM ketika ini masih mencari beberapa lagi individu yang juga saksi penting bagi membantu siasatan.

Dengan merakam percakapan saksi itu, SPRM dijangka memperoleh beberapa maklumat terbaharu berhubung pembelian hotel empat bintang di Kensington antara tahun 2013 dan 2015.



Saksi itu boleh membantu menentukan sama ada wujud unsur rasuah dan penyelewengan dalam pembelian hartanah itu.

Dalam perkembangan itu, SPRM hari ini merakam percakapan enam lagi individu dari FIC berhubung siasatan berkenaan.

Mereka yang memberikan kenyataan adalah Ketua Hospitaliti FIC, Ketua Kewangan FIC, Pengurus Kanan Strategik dan Pelaburan, Eksekutif Kewangan, Pembantu Pengurus Kewangan serta Bekas Timbalan Presiden yang juga Ketua Pegawai Operasi.

SPRM sebelum ini mendedahkan beberapa individu akan dipanggil bagi membantu siasatan berhubung pembelian hotel bernilai RM330 juta di Kensington oleh FIC pada 2014.

Hasil maklumat siasatan awal mendapati FIC dipercayai membeli hotel itu dengan harga jauh lebih tinggi daripada harga pasaran sehingga mengakibatkan FIC mengalami kerugian jutaan ringgit.



Khamis, 20 Julai 2017



DZULKIFLI pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Drama Bersiri 'Benteras' Kolaborasi Antara SPRM dan Fantasy Film Sdn Bhd, di Putrajaya, hari ini

#### **14. FIC beli hotel: Ramai lagi akan ditangkap**

CYBERJAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengarahkan tangkapan segera beberapa individu berhubung pembelian sebuah hotel di London oleh Felda Investment Corporation (FIC), dipercayai lebih tinggi berbanding harga asal.

Bagaimanapun, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad, enggan memaklumkan jumlah yang akan ditangkap mahupun jawatan mereka, namun tidak menolak kemungkinan lebih banyak tangkapan akan dibuat.

"SPRM masih meneruskan siasatan dan jika ada keperluan menahan lebih ramai orang, kita akan lakukan," katanya kepada pemberita ketika menghadiri Majlis Pelancaran Drama Bersiri 'Benteras' Kolaborasi Antara SPRM dan Fantasy Film Sdn Bhd, di sini hari ini.

Dzulkifli berkata, SPRM membuka kertas siasatan berhubung pembelian sebuah hotel di Kensington, London antara 2013 dan 2015 oleh FIC, dipercayai harga yang dibayar jauh lebih tinggi berbanding harga asal hingga menyebabkan anak syarikat FELDA itu mengalami kerugian jutaan ringgit.

FIC dilaporkan membeli sebuah hotel 4 bintang di Kensington, London pada STG60 juta (RM330 juta) pada 16 Disember 2014.

Pengerusi FELDA ketika itu, Tan Sri Mohd Isa Samad, dilaporkan berkata pembelian Grand Plaza Kensington itu sebahagian daripada langkah strategik FIC untuk mempelbagaikan aset dan memastikan ia dapat memaksimumkan pulangan pelaburan syarikat.



Jumaat, 21 Julai 2017

#### **15. FIC: 2 ditahan kes beli hotel London**

KUALA LUMPUR: Dua pengurusan kanan dua syarikat ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan pembelian sebuah hotel empat bintang di Kingston, London oleh Felda Investment Cooperation (FIC).

Mereka adalah ketua unit harta sebuah syarikat perkhidmatan pos berusia 36 tahun dan pengarah sebuah syarikat perundingan aset berusia 45 tahun yang disyaki terbabit dalam penilaian harta dan harga bagi pembelian hotel berkenaan.

Kedua-duanya ditahan di pejabat SPRM di Putrajaya pada jam 1 tengah hari tadi ketika mereka hadir memberi keterangan mengenai pembelian hartanah antara tahun 2013 dan 2015 itu.

Difahamkan, ketika urusan rundingan pembelian hotel itu, mereka adalah ketua penasihat korporat dan pengarah syarikat ejen harta tanah terkenal.

Pasukan penyiasat SPRM mendapati kedua-dua suspek disyaki manipulasi harga hotel berkenaan sehingga FIC membayar lebih puluhan jutaan ringgit.

Ketika ini, SPRM sudah merakam percakapan 11 saksi. Berikutan itu, SPRM dijangka menahan lebih ramai individu selain memanggil saksi memberi keterangan.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Dato Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu.

Katanya, SPRM percaya kedua-dua suspek itu dapat memberikan maklumat berhubung pembelian berkenaan.

Beliau berkata kedua-duanya akan dihadapkan ke mahkamah Putrajaya esok bagi permohonan reman membantu siasatan SPRM.



Selasa, 25 Julai 2017

#### **16. Unit Integriti dan Tadbir Urus di GLC: PM**

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan menubuhkan Unit Integriti dan Tadbir Urus di semua syarikat berkaitan kerajaan (GLC), negeri dan entiti perniagaan milik kementerian, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, unit di bawah pengawasan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) itu diyakini dapat meningkatkan keyakinan terhadap Malaysia.

Beliau berkata, penubuhan unit itu juga adalah maklum balas terhadap komuniti perniagaan yang mahukan komitmen kerajaan terhadap pembaharuan semula yang amat diperlukan.

"Komuniti perniagaan mahukan jaminan bahawa kerajaan komited terhadap penambahbaikan bersesuaian, selain konsisten dalam mewujudkan budaya keusahawan.

"Mereka juga mahukan ketelusan, kebertanggungawaban dan pengawalan yang baik.

"Pasaran, masyarakat perniagaan dan syarikat mahukan kekuatan serta kestabilan. Mereka mahu kerajaan memberi jaminan kemakmuran rakyat dapat dipenuhi secara mesra perniagaan, manakala pelaburan langsung asing (FDI) yang diperoleh tidak menjejaskan kedaulatan negara walau seinci sekalipun," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapatama perasmian Invest Malaysia Kuala Lumpur 2017 (IMKL 2017) di sini, hari ini.

Perdana Menteri turut mengumumkan, kerajaan akan menamakan syarikat senaraian awam (PLC) yang tidak mempunyai wanita dalam barisan lembaga pengarah mulai tahun depan.

Beliau berkata, kerajaan akan berbuat demikian bagi menggesa syarikat terbabit menyelesaikan isu kekurangan kepelbagaian gender dalam lembaga pengarah.

"Kita masih mempunyai 17 daripada 100 PLC terkemuka yang belum mempunyai wanita dalam lembaga pengarahnya," katanya.



Selasa, 25 Julai 2017



**SULAIMAN Mahbob**

### **17. FGV tiada agenda tersembunyi - Sulaiman**

KUALA LUMPUR: Keputusan Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) untuk menggantung Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Zakaria Arshad, dibuat berdasarkan kebimbangan mengenai tadbir urus syarikat dan bukannya langkah untuk 'menganiaya' beliau.

Pemangku Pengerusi FGV, Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob berkata, lembaga pengarah FGV tidak mempunyai sebarang agenda tersembunyi.

"Kami tidak berhasrat untuk menjatuhkan sesiapa sahaja. Kami (mengambil) tindakan berdasarkan (kebimbangan) tadbir urus dan (fakta).

"Ini adalah berkaitan tindakan (Zakaria) mengenai isu jualan ... ia adalah perkara teknikal. Komen (Suara Generasi ke-2 Felda @ Facebook) adalah tidak berasas dan tidak tepat.

"Kami adalah syarikat tersenarai awam dan bertanggungjawab untuk melindungi pemegang saham dan pihak yang berkepentingan, termasuk peneroka," katanya mengulas tuntutan Suara Generasi ke-2 Felda @ Facebook (SGK2F), yang mendesak beliau meletakkan jawatan.

BH melaporkan SGK2F mahukan Sulaiman dan semua Ahli Lembaga Pengarah FGV meletak jawatan, sekali gus memberi ruang kepada orang baru mengambil alih jawatan terbabit.

Penasihat kumpulan itu, Datuk Zulkefli Nordin berkata, pihaknya kecewa dengan Sulaiman dan Ahli Lembaga Pengarah FGV bukan saja gagal membuat sebarang perubahan, malah segala keputusan yang mereka ambil, dilihat seolah-olah dipengaruhi 'orang lama' dalam FGV.

Sulaiman berkata, tindakan Zakaria tidak mematuhi prosedur dalaman dan boleh membawa kepada hutang lapuk dan pengurangan keuntungan, menyebabkan Presiden/CEO itu sedang disiasat.

"Saya tidak mahu mengatakan bahawa mereka bersikap emosi, mereka sepatutnya melihat fakta," katanya.

Sulaiman dilantik memangku jawatan itu pada bulan lalu menggantikan Tan Sri Isa Samad yang kini dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Sebelum ini, kemelut FGV mencapai kemuncak apabila Isa dan Lembaga Pengarahnya mengarahkan Zakaria, Ketua Pegawai Kewangan FGV; Ahmad Tifli Mohd Talha; Ketua Pegawai Eksekutif FGV Trading, Ahmad Salman Omar dan Pengurus Besar Kanan Delima Oil Products, Kamarzaman Abd Karim, untuk bercuti, pada 6 Jun lalu.



**KETUA Pegawai Eksekutifnya, Datuk Zakaria Arshad**

### **18. Tiada konspirasi, agenda peribadi - FGV**

KUALA LUMPUR: Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) menegaskan syarikat itu tidak terbabit dengan sebarang konspirasi atau mempunyai agenda peribadi, dalam siasatan dalaman yang sedang dilakukan terhadap Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Zakaria Arshad dan tiga kakitangan pengurusan kanan lain, yang diarahkan bercuti.

Dalam kenyataannya hari ini, FGV menegaskan, setakat ini keputusan yang diambil adalah mengarahkan mereka yang terbabit, bercuti dengan gaji penuh dan menerima semua kemudahan, sementara siasatan dalaman hanya fokus kepada isu hutang Safitex seperti yang dilaporkan sebelum ini.

"Sebagai sebuah syarikat senaraian awam yang berkaitan kerajaan dan termaktub kepada undang-undang berkaitan oleh badan kawal selia seperti Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Bursa Malaysia, FGV sama sekali tidak terlibat dengan mana-mana konspirasi atau agenda peribadi dalam siasatan dalaman yang sedang berjalan.

"Siasatan ini dianggap tanggungjawab fidusiar lembaga pengarah yang prihatin, dalam pengurusan sebuah syarikat penyenaian awam dan juga kepentingan pemegang saham.

"Selaras amalan tadbir urus korporat yang baik, FGV akan memastikan siasatan ini dijalankan secara adil dan saksama," katanya.

FGV mengulangi kenyataan dikeluarkan Pejabat Perdana Menteri pada 19 Jun lalu, ada beberapa bukti dan asas yang membolehkan lembaga pengarahnya mengambil tindakan disiplin terhadap Ketua Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan dan dua lagi pegawai kanan yang berkaitan dengan pelanggaran prosedur dalaman.

Katanya, tuduhan pihak tertentu kononnya lembaga pengarah syarikat itu mempunyai agenda peribadi untuk menjatuhkan pengurusan kanan adalah tidak wajar.

"Jika tuduhan ini berterusan, ia dikhuatiri boleh menyebabkan fokus FGV tergendala dalam usahanya untuk menambah baik operasi teras, menjana nilai tambah dan melaksanakan tanggungjawab fidusiari lembaga pengarah kepada pemegang saham," katanya.



Khamis, 27 Julai 2017

### **19. Warden Pusat Koreksional Perlis ditahan terima rasuah**

KANGAR: Seorang warden penjara Pusat Koreksional Perlis ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki menerima rasuah bagi membawa barangan terlarang kepada banduan di pusat tahanan itu.

Lelaki berusia 33 tahun itu ditahan kira-kira jam 7 petang semalam ketika hadir untuk diambil keterangan di Pejabat SPRM di sini, susulan kegiatannya menerima beberapa suapan berbentuk wang tunai sejak Mac lalu.

Berdasarkan maklumat, suspek menerima suapan berjumlah RM3,300 sepanjang Mac 2017, menerusi beberapa transaksi membabitkan nilai antara RM200 hingga RM1,500 ke dalam akaun bank peribadinya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Perlis, Yaacob Angah, ketika dihubungi mengesahkan tangkapan berkenaan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda RM10,000 atau lima kali ganda nilai suapan, yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Yaacob bagaimanapun enggan mengulas lanjut jenis barangan terlarang yang dikatakan dibawa masuk warden berkenaan.

Noh berkata, kira-kira RM29.5 juta diperuntukkan bagi menjayakan program berkenaan dalam usaha membantu khususnya golongan 40 peratus berpendapatan terendah (B40) mengenai masalah perumahan kos rendah.

"Kerana keprihatinan PM (Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak), diamanahkan kepada saya perlu beri pembelaan kepada masyarakat bandar. Masalah dalam bandar kita tidak boleh nafikan, memang harus diberi pembelaan," katanya.



Jumaat, 28 Julai 2017

## 20. Siasatan FIC, SPRM ke Balai FELDA

KUALA LUMPUR: Seramai 12 pegawai dari Jabatan Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya, tiba di Balai FELDA, Jalan Gurney, di sini, bagi menjalankan siasatan berhubung pembelian sebuah hotel oleh Felda Investment Corporation (FIC).

Kehadiran pegawai terbabit tepat jam 10 pagi tadi adalah bagi meneliti dokumen berkaitan berhubung pembelian hotel empat bintang yang dipercayai melebihi nilai harga pasaran.

Siasatan awal SPRM mendapati, pembelian itu menyebabkan FIC yang juga anak syarikat FELDA, mengalami kerugian jutaan ringgit.

Ita adalah siasatan kedua SPRM selepas pembelian sebuah hotel di Kingston, London, oleh FIC antara 2013 hingga 2015.

Ketika ini, pasukan penyiasat masih meneliti beberapa dokumen untuk mendapatkan maklumat dalam melengkapkan siasatan.

Dua lagi pasukan siasatan SPRM menjalankan pemeriksaan serentak di dua premis membabitkan pejabat peguam di sini, berkaitan kes sama.

Pemeriksaan SPRM turut dijalankan serentak di tiga lokasi membabitkan ejen hartanah dan penilai harta di Kuching, Sarawak, pagi ini.

Salah pegawai SPRM memaklumkan, pemeriksaan di Balai FELDA dijangka selesai sebelum tengah hari ini.

"Kehadiran kami hanya untuk meneliti dan menyemak dokumen berkaitan," katanya.



## 21. FIC: SPRM serbu 3 premis di Kuching, Petra Jaya

KUCHING: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyerbu tiga premis di bandar raya ini berhubung kontroversi pembelian sebuah hotel empat bintang yang menyebabkan kerugian ratusan juta ringgit oleh Felda Investment Corporation (FIC).

Serbuan dilakukan serentak jam 10 pagi ini oleh pasukan khas dari Ibu pejabat SPRM Putrajaya di ketiga-tiga premis berkenaan, masing-masing di Jalan Tun Ahmad Zaidi Adruce; Jalan Petanak dan Jalan Tun Abang Haji Openg.

Difahamkan, ketiga-tiga premis berkenaan, masing-masing syarikat pemaju, ejen hartanah dan penilai harta yang dipercayai terbabit dalam urusan jual beli hotel berkenaan yang terletak di tengah-tengah bandar raya ini.

Sumber memberitahu BH, prosedur itu bagi mendapatkan maklumat, termasuk urusan jual beli hotel berkenaan yang didakwa melebihi harga pasaran.

"Ia susulan maklumat diperoleh dalam siasatan awal membabitkan prosedur pembelian hartanah oleh FIC yang juga cabang pelaburan FELDA, bermula dengan hotel dan pangsapuri servis di Kensington, London.

"Berdasarkan maklumat yang diperoleh, pembelian hartanah berkenaan yang didakwa tidak mengikut prosedur sepatutnya menyebabkan FIC kerugian ratusan juta ringgit," katanya.

FIC ditubuhkan FELDA pada 2013 sebagai usaha mempelbagaikan portfolio perniagaan agensi berkenaan, khususnya dalam pelaburan hartanah, perhotelan dan hospitaliti.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki ketika dihubungi sebentar tadi mengesahkan serbuan berkenaan dan menyatakan ia sebahagian daripada prosedur siasatan.

Beliau turut memaklumkan satu pasukan khas turut dibentuk oleh suruhanjaya berkenaan bagi mengendalikan kes berprofil tinggi itu.

## 22. SPRM selesai ambil dokumen syarikat perunding

KUALA LUMPUR: Empat pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selesai mengambil beberapa dokumen penting di sebuah pejabat perunding kewangan di Taman Tun Dr Ismail, tengah hari ini.

Mereka dilihat meninggalkan lokasi kira-kira jam 1 tengah hari bersama beberapa dokumen yang dipercayai mempunyai kaitan dengan pembelian hotel empat bintang di Kuching, Sarawak oleh Felda Investment Corporation (FIC).

Difahamkan, syarikat berkenaan menjadi penilai dan perunding kewangan bagi pembelian hotel terbabit.

Pasukan pegawai itu tiba ke pejabat berkenaan kira-kira jam 10.30 pagi dan menunggu hampir setengah jam di lobi tingkat 16 untuk bertemu dengan pegawai bertanggungjawab.

Media yang awalnya dibenarkan berada di lobi itu, diarah turun ke tingkat bawah.

Semalam, BH melaporkan SPRM menyiasat satu lagi pelaburan hotel oleh FIC susulan pembelian hotel empat bintang di London.

FIC dikatakan membelanjakan kira-kira RM160 juta untuk membeli hotel itu sedangkan harga semasa dipercayai lebih rendah.

### 23.4 projek PPR bernilai RM330 juta di Johor



**MENTERI** Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berucap program Walkabout Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M) di Johor Bahru. - Foto Hairul Anuar Rahim

JOHOR BAHRU: Sebanyak empat Projek Perumahan Rakyat (PPR) dengan peruntukan kira-kira RM330 juta akan dibangunkan di Johor dalam usaha memartabatkan kesejahteraan hidup rakyat merangkumi taraf dan kualiti hidup bagi memenuhi keperluan sosioekonomi dan fizikal.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar, berkata projek itu akan dilancarkan pada Oktober depan dan dijangka siap dalam tempoh dua hingga tiga tahun.

"Projek itu membabitkan kira-kira 2,000 unit kediaman yang mana setiap unit bernilai kira-kira RM180,000 termasuk di 700 unit di kawasan Ulu Tiram dan masing-masing 500 unit di Permas Jaya, Masai dan Bandar Tenggara:

"Sejak tahun 2015 hingga kini, lebih 5,049 unit rumah di bawah projek PPR dilancarkan di Johor, dengan kos keseluruhan sekitar RM845 juta," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas program Walkabout Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M) di tiga kawasan Parlimen iaitu di Johor Bahru, Pasir Gudang dan Tebrau. Yang turut hadir, Ahli Parlimen Johor Bahru, Tan Sri Shahrir Samad.



**TIMBALAN Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed meninjau kawasan projek di Legaran Segget, Johor Bahru, hari ini.**

#### **24. Yuran perunding tak masuk akal - Nur Jazlan**

JOHOR BAHRU: Yuran perunding bagi projek menyediakan lanskap di Legaran Segget yang didakwa mencecah sehingga RM20 juta disifatkan tidak masuk akal dan satu penghinaan kepada rakyat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata tindakan melaksanakan projek menyediakan landskap di kawasan itu tanpa penyertaan dan pembabitian pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) juga menjadi satu persoalan.

Katanya, jika pihak berkenaan mendapatkan perkhidmatan MBJB, mereka hanya perlu membayar kadar maksimum sebanyak enam peratus daripada nilai keseluruhan berkenaan sebagai yuran perunding.

"Kebiasaannya (MBJB) minta enam peratus daripada nilai projek tetapi bagi projek ini hampir 30 peratus daripada kos keseluruhan RM57 juta. Ini satu penghinaan kepada rakyat.

"Projek ini juga dibuat tanpa ada apa-apa 'input' daripada PBT (MBJB) dan hanya menguntungkan pihak perunding yang saya harap mereka (perunding) adalah anak jati Johor, bukan dari Kuala Lumpur," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas meninjau kawasan projek di Legaran Segget di sini, hari ini.

Nur Jazlan berkata, sehubungan itu beliau meminta Jabatan Audit Negara untuk melihat semula prosedur pemilihan yang dilakukan pihak terbabit bagi pelaksanaan projek berkenaan.

"Saya juga berharap kerajaan negeri dapat meninjau semula projek yang dijalankan pihak ini supaya selaras dan menepati objektif serta matlamat asal pelaksanaannya," katanya.



Ahad, 30 Julai 2017



## 25. SPRM nafi kes JANS tiada kaitan rasuah

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menafikan dakwaan kononnya ia mengesahkan tiada unsur rasuah dalam kes membabitkan Jabatan Air Negeri Sabah (JANS).

SPRM berkata, dakwaan itu dikesan disebar di media sosial oleh pihak tidak bertanggungjawab sejak semalam.

"Tiga individu termasuk bekas Pengarah JANS dan isterinya dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu atas kesalahan pengubahan wang haram pada 29 Disember tahun lalu manakala sebutan kes ditetapkan pada 8 Ogos ini," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

SPRM berkata, tiga yang dituduh ialah Ag Mohd Tahir Mohd Talib, 54; isterinya Fauziah Ag Piut, 51; dan Lim Lam Beng, 62.

Katanya, Ag Mohd Tahir didakwa dengan 12 pertuduhan mengikut Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) 2001 dan Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001.

Fauziah dan Lam Beng masing-masing didakwa dengan 19 pertuduhan bernilai RM 2.2 juta dan empat pertuduhan bernilai RM2.38 juta mengikut Seksyen 4(1)(b) AMLATFPUAA 2001.

SPRM berkata, kesalahan mengikut AMLATFPUAA 2001 membabitkan hasil wang haram yang diperoleh daripada kesalahan mengikut Akta SPRM 2009 oleh perasuah.

Agensi itu mengingatkan semua pihak supaya tidak memutar-belitkan isu kes JANS.

"SPRM akan memantau dan mengkaji segala berita tidak sahih yang dimuat naik di laman media sosial untuk memastikan tiada pihak cuba mencemarkan reputasi SPRM.

"Pengurusan Tertinggi SPRM menimbang untuk membuat aduan polis terhadap mereka yang menyebarkan fitnah dalam media sosial supaya tindakan undang-undang diambil," katanya.



Ahad, 30 Julai 2017

## **26. Inspektor ditahan terima rasuah bebaskan suspek culik**

SHAH ALAM: Seorang pegawai polis berpangkat Inspektor ditahan kerana disyaki menerima rasuah bagi membebaskan seorang suspek kes culik, Khamis lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Senior Asisten Komisioner Fadzil Ahmad, berkata pegawai berkenaan yang berusia 32 tahun bertugas di Jabatan Siasatan Jenayah di Gombak.



"Dia kini direman seminggu hingga 3 Ogos depan dan ditahan mengikut Seksyen 17, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009," katanya dalam satu kenyataan, di sini, hari ini.

Fadzil berkata, jumlah wang yang diterima pegawai berkenaan masih dalam siasatan.

Januari lalu, polis menahan lima warga tempatan berusia antara 22 hingga 35 tahun selepas didapati terbabit menculik seorang pengurus syarikat pemborong runcit dan pengangkutan berusia 33 tahun di Bandar Country Homes, Rawang.

Polis juga berjaya menemui wang tebusan berjumlah RM300,000 yang diminta suspek dari keluarga mangsa.



Ahad, 30 Julai 2017

### **27. Siasatan FIC: Pengarah syarikat direman**

PUTRAJAYA: Seorang pengarah syarikat direman enam hari bagi membantu siasatan berhubung pembelian sebuah hotel oleh Felda Investment Corporation (FIC) di Kuching, Sarawak pada 2014.

Perintah tahanan reman bermula hari ini hingga 4 Ogos ini dikeluarkan Majistret Nik Isfhanie Tasnim Wan Ab Rahman di sini.

Suspek yang berusia 57 tahun adalah pengarah kepada syarikat yang memiliki hotel berkenaan.

Siasatan awal Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati pengarah syarikat itu melantik sebuah syarikat yang bertindak sebagai ejen menguruskan pembelian hotel empat bintang itu.

Suspek ditahan SPRM jam 1.30 tengah hari semalam di pejabat SPRM Kuching.

Terdahulu suspek tiba di Mahkamah Majistret pada jam 10.40 pagi diiringi pegawai SPRM dengan berbaju lokap SPRM berwarna jingga dan bergari.

Semalam, SPRM turut menahan reman dua lagi individu, masing-masing berusia 47 dan 51 tahun, iaitu pengarah syarikat yang dilantik sebagai ejen urus niaga pembelian hotel itu.



PEGAWAI Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membawa pengarah syarikat bagi memohon reman bagi membantu siasatan berhubung pembelian hotel empat bintang di Kuching Sarawak oleh Felda Investment Corporation (FIC) di Mahkamah Majistret Putrajaya





Fadillah (dua dari kanan) melawat tapak Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FT006 dari Teluk Kumbar ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Bayan Lepas sempena Jelajah FT Roadpedia Utara di Jalan Bayan Lepas.

#### 28. 'Tiada kajian, tiada projek terowong dasar laut PP'

BALIK PULAU: Kerajaan DAP Pulau Pinang perlu menghantar laporan kajian kepada Kementerian Kerja Raya jika ingin mendapat kelulusan pembinaan projek terowong dasar laut.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata kementerianya masih belum menerima sebarang laporan kajian daripada kerajaan DAP itu yang sebelum ini mendakwa serius ingin meneruskan projek terbabit.

"Sebelum ini, mereka mendakwa kajian itu sudah siap lebih 80 peratus dan dijangka selesai pada Disember. Disebabkan tiada jawapan, kita tanya pada Februari dan aturkan perjumpaan bersama Ketua Menteri Pulau Pinang, EXCO kerajaan negeri serta perunding dan kontraktor pada Mac lalu.

"Kemudian mereka janji bahawa semua kajian ini dapat diselesaikan pada Jun lalu, tapi sehingga kini kita tidak menerima apa-apa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan di tapak projek naik taraf Jalan Bayan Lepas pada Siri Jelajah FT Roadpedia Zon Utara, di sini, hari ini.

Beliau berkata, selagi laporan kajian itu tidak dihantar kepada pihak kementerian, projek terbabit tidak boleh mendapat kelulusan dari Kerajaan Persekutuan.

"Kita ada terima surat minta kelulusan secara prinsip. Saya kata tidak boleh sebab dari segi prosidur kerajaan khususnya Jabatan Kerja Raya (JKR), mesti ada sokongan dan kajian tertentu.

"Kalau tiada (kajian), tak dapatlah. Kita tak letakkan tempoh atau atau berbuat apa-apa sebab ini adalah projek kerajaan negeri.

"Tapi kalau dah janji nak bagi (laporan kajian) pada Jun lalu mestilah perlu ditunaikan," katanya.



Isnin, 31 Julai 2017



**DR Madinah Mohamad**

### **29. 353 syor laporan Ketua Audit Negara 2016**

KUALA LUMPUR: Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 1, yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini, mengemukakan 353 syor bagi membantu Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan kerajaan negeri memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr Madinah Mohamad, berkata daripada jumlah itu, Jabatan Audit Negara mengemukakan dua syor terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2016, dengan 90 syor kepada aktiviti kementerian dan jabatan kerajaan persekutuan, 17 syor kepada syarikat kerajaan dan agensi kerajaan persekutuan dan 244 syor terhadap pengurusan aktiviti dan kewangan kementerian, jabatan, agensi dan pengurusan syarikat kerajaan negeri.

"Sebagaimana lazim, ketua jabatan berkenaan dimaklumkan terlebih dahulu berhubung perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan," katanya dalam kenyataan kepada BERNAMA.

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 1, mengandungi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, aktiviti Kementerian dan jabatan kerajaan persekutuan, pengurusan syarikat kerajaan dan agensi kerajaan persekutuan serta pengurusan aktiviti dan kewangan Kementerian, jabatan, agensi dan pengurusan syarikat kerajaan negeri untuk tahun yang sama.

Ita dibentangkan di Parlimen hari ini selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Madinah berkata, laporan Ketua Audit Negara kali ini antara lain mengandungi pengesahan penyata kewangan kerajaan persekutuan, prestasi hasil kutipan kerajaan persekutuan, pengauditan pengurusan kewangan (indeks akauntabiliti) serta pengauditan prestasi terhadap program dan aktiviti kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri.

Beliau berkata, hasil Kerajaan Persekutuan pada 2016 berjumlah RM212.421 bilion berbanding RM219.089 bilion pada 2015.

Kutipan hasil menunjukkan trend penurunan berikutan kejatuhan harga minyak mentah dunia.

Mengenai penarafan tahap prestasi pengurusan kewangan, sebanyak 25 Kementerian, 18 jabatan persekutuan, 38 badan berkanun persekutuan, 138 Kementerian/jabatan negeri, 41 badan berkanun negeri, 41 pihak berkuasa tempatan dan enam Majlis Agama Islam diaudit.

Bagi pengauditan prestasi terhadap program/aktiviti/projek kerajaan, Madinah berkata 63 pengauditan prestasi dan 21 pengauditan pengurusan syarikat kerajaan dilaksanakan di peringkat persekutuan dan negeri, merangkumi bidang program, pembinaan, penyenggaraan, perolehan, pengurusan, hasil dan pengurusan syarikat.

Selain itu, katanya, Kementerian Kewangan mengeluarkan laporan maklum balas mengenai laporan itu yang memberikan ulasan serta tindakan terkini daripada ketua setiausaha Kementerian dan ketua jabatan terhadap isu yang dilaporkan.

Madinah berkata, sebanyak 187 daripada 307 Kementerian, jabatan persekutuan dan badan berkanun persekutuan, Kementerian/jabatan negeri, badan berkanun negeri, pihak berkuasa tempatan dan Majlis Agama Islam mendapat penarafan cemerlang (5 bintang).

"Sebanyak 25 Kementerian memperoleh penarafan cemerlang berbanding 16 Kementerian pada 2015," katanya.

Madinah berkata, kandungan laporan itu berserta sinopsis boleh dilayari di laman sesawang Jabatan Audit Negara.

Katanya, satu sesi bersama media mengenai Laporan Ketua Audit Negara akan diadakan Khamis di Auditorium Kompleks C, Putrajaya pada 12 tengah hari, yang akan dihadiri Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa dan ketua setiausaha kementerian.



Isnin, 31 Julai 2017



### **30. Bekas CEO ditahan selepas 12 jam beri keterangan**

PUTRAJAYA: Bekas Ketua Pegawai Eksekutif Felda Investment Corporation (FIC), ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini bagi membantu siasatan pembelian sebuah hotel empat bintang di London oleh FIC.

Dia ditahan kira-kira jam 9.50 malam ini di Ibu Pejabat SPRM di sini selepas lebih 12 jam memberi keterangan sejak jam 9.30 pagi tadi.

Pengarah Siasatan SPRM, Datuk Simi Abdul Ghani mengesahkan penahanan itu dan suspek akan dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya esok untuk permohonan reman bagi membantu siasatan SPRM.

Sebelum ini, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad, berkata SPRM membuka kertas siasatan berhubung pembelian sebuah hotel di Kensington, London antara 2013 dan 2015 oleh FIC, kerana dipercayai harga yang dibayar jauh lebih tinggi berbanding harga asal sehingga menyebabkan anak syarikat FELDA itu mengalami kerugian jutaan ringgit.

FIC dilaporkan membeli sebuah hotel empat bintang di Kensington, London pada STG60 juta (RM330 juta) pada 16 Disember 2014.



Isnin, 31 Julai 2017

### 31. MPT hilang RM1.79j tak kutip lesen papan iklan

IPOH: Majlis Perbandaran Taiping (MPT) kehilangan perolehan hasil sebanyak RM1.79 juta dari 2014 hingga tahun lalu berikutan kegagalan mengutip bayaran 224 papan iklan luar yang dipamerkan di dalam kawasan pentadbirannya.

Analisis Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 1 juga melaporkan perkara sama di daerah Muallim iaitu terdapat 543 papan iklan luar tanpa lesen pamer dalam tempoh sama yang memungkinkan Majlis Daerah Tanjung Malim (MDTM) memperoleh hasil RM739,354 jika semua papan iklan itu dilesenkan.



Laporan itu menyebut pengiraan audit itu adalah berdasarkan kadar bayaran lesen mengikut kadar minimum yang ditetapkan oleh Undang-Undang Kecil MPT dan MDTM.

"Lawatan Audit pada bulan September hingga November 2016 di daerah Larut Matang Selama (LMS) dan Muallim mendapati sebanyak 314 papan iklan luar yang dipamer di kawasan jajaran Lebuh Raya Utara Selatan tanpa Lesen Pamer.

"Pada tahun 2013, program pemutihan dan bancian telah dijalankan oleh MDTM sebagai usaha untuk melesenkan papan iklan luar. Bagi tahun 2014 hingga 2016 pula aktiviti pelesenan secara rutin dijalankan oleh MPT dan MDTM.

"Bagaimanapun, bermula Januari 2017 pihak MPT bersama Pejabat Daerah dan Tanah LMS telah menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Penguatkuasaan Papan Iklan bertujuan memantau papan iklan luar tanpa lesen itu," menurut laporan itu hari ini.

Laporan itu menyebut, pada pendapat Jabatan Audit Negara, pengurusan kawalan Lesen Pamer adalah kurang memuaskan kerana kadar lama masih digunakan bagi caj Lesen Pamer dan kurang pemantauan terhadap iklan yang dipamer tanpa lesen.

Katanya, maklum balas yang diterima daripada MPT pada 19 Jun lalu menjelaskan bahawa kerja-kerja untuk meminda daripada kadar lama iaitu Undang-Undang Kecil Iklan (MPT) (pindaan) 1992 kepada kadar baru mengikut pindaan Undang-Undang Kecil Iklan (MPT) 2015 telah mula dilaksanakan membabitkan hampir 15,000 pegangan lesen iklan.

Bagaimanapun, ia memerlukan pemeriksaan fizikal di lapangan termasuk mengambil kira faktor saiz dan kadar lesen baharu dengan kaedah pengiraan yang berbeza berbanding sebelumnya.

Jabatan Audit Negara menjangka kerja-kerja pindaan kadar lesen papan iklan itu boleh disiapkan dalam tempoh enam bulan, namun oleh sebab tiada tambahan kakitangan, ia menjadi berlarutan.

### 32. Projek kerajaan perlu kajian terperinci sebelum diluluskan - Laporan Audit



Kakitangan Jabatan Audit Negara menunjukkan Buku Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 1 di Bangunan Parlimen, di sini hari ini.

KUALA LUMPUR 31 Julai - Kajian terperinci perlu dijalankan terhadap sesuatu projek kerajaan sebelum ia diluluskan untuk pelaksanaan bagi memastikan semua projek berjalan mengikut jadual dan membolehkan kerajaan mendapat nilai faedah terbaik.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 1 yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini, jabatan dan agensi perlu mengemukakan maklumat lengkap seperti kedudukan status tapak projek, ringkasan projek, siling projek, peruntukan tahunan dan jadual pelaksanaan projek kepada jabatan teknikal, selaras dengan Arahan Perbendaharaan 182.1.

"Perancangan bersepadu antara jabatan dan agensi terlibat perlu dilakukan di peringkat awal pelaksanaan projek terutama bagi projek yang besar, contohnya Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, pembekal utiliti seperti air, elektrik dan telekomunikasi, pejabat tanah serta kerajaan negeri.

"Ia bagi memastikan semua kemudahan asas dapat disediakan dan kelancaran projek tidak terjejas," menurut laporan setebal 471 muka surat itu.

Cadangan berkenaan adalah antara yang digariskan Jabatan Audit Negara di bahagian penutup mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan 2016 supaya kelemahan-kelemahan yang dilaporkan tidak berulang.

Laporan itu turut menyebut, ketua setiausaha kementerian/ketua jabatan perlu menjalankan pemeriksaan secara menyeluruh untuk menentukan sama ada program, aktiviti dan projek lain turut mempunyai kelemahan sama, seterusnya mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan.

Laporan Ketua Audit 2016 mendapati pada umumnya, kementerian, jabatan dan syarikat kerajaan mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan program, aktiviti dan projek meskipun terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan.